



HOSPITAL SUNGAI SIPUT LAPORAN TAHUNAN 2017



UNIT PATOLOGI & TRANSFUSI DARAH

1. PENGENALAN

Unit Patologi dan Transfusi Darah merupakan salah satu unit sokongan yang menyediakan dan menawarkan perkhidmatan ujian diagnostik yang sesuai dengan perkhidmatan klinikal di hospital ini. Perkhidmatan disediakan untuk pesakit luar, pesakit dalam (Wad, Klinik Pakar, Unit Hemodialisis dan Unit Kecemasan) dan klinik-klinik kesihatan yang berdekatan (KK Sg. Siput, KK Lintang). Lokasi Unit Patologi dan Transfusi Darah, adalah berhadapan dengan Wad 3 dan Wad 4 serta bersebelahan dengan unit CSSU.

Unit ini dikendalikan seramai 10 orang kakitangan yang terdiri daripada:

- a) Pegawai Sains (Kimia Hayat) C41 - 1 orang
- b) Juruteknologi Makmal Perubatan U32 - 1 orang
- c) Juruteknologi Makmal Perubatan U29 - 6 orang
- d) Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) - 1 orang
- e) Pembantu Operasi - 1 orang

Fungsi utama Unit Patologi dan Transfusi Darah ini adalah memberi perkhidmatan diagnostik yang berkualiti kepada pesakit yang menerima rawatan di hospital ini dan memberikan *zero defect* dalam perkhidmatan transfusi darah.

Unit ini memberikan perkhidmatan 24 jam yang meliputi tugas dalam waktu pejabat (8.00 pagi – 5.00 petang), dan tugas atas panggilan (5.00 petang – 8.00 pagi) setiap hari Isnin hingga Jumaat. Manakala pada cuti hujung minggu dan hari-hari kelepasan am, staf bertugas hanya secara atas panggilan (on-call).

2. OBJEKTIF

1. Menyediakan perkhidmatan yang komprehensif, cekap dan berkualiti kepada pelanggan.
2. Memberikan perkhidmatan transfusi darah yang mencukupi dan selamat.
3. Sentiasa mengekalkan mutu perkhidmatan yang tinggi dan zero defect dalam perkhidmatan transfusi darah

3. VISI DAN MISI

3.1 VISI

Negara menggembleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik.

3.2 MISI

Misi Kementerian Kesihatan adalah untuk menerajui dan berusaha bersama sama:

- I. untuk memudahkan dan membolehkan rakyat:
 - ❖ mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
 - ❖ menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
 - ❖ mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka


- II. untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi iaitu:
 - ❖ mengutamakan pelanggan
 - ❖ saksama tidak membebankan
 - ❖ cekap wajar mengikut teknologi
 - ❖ boleh disesuaikan mengikut persekitaran
 - ❖ inovatif

- III. dengan menekankan:
 - ❖ sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
 - ❖ sifat menghormati maruah insan
 - ❖ penglibatan masyarakat

4. PIAGAM PELANGGAN & PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

1. Memberi layanan mesra, cekap dan perkhidmatan penuh bertanggungjawab.
2. Ujian makmal akan dibuat mengikut peraturan yang bertepatan dengan kualiti kawalan.
3. Membekalkan darah yang selamat dan zero defect dalam *transfusion error*.
4. Maklumat akan diberikan kepada pelanggan berkenaan penyakit dan perawatan
5. Kerahsiaan maklumat peribadi, penyakit dan perawatan yang diberikan kepada pesakit adalah dijamin.
6. Kemudahan dan persekitaran yang bersih, selesa dan selamat disediakan

5. CARTA ORGANISASI



JTMP: Juruteknologi Makmal Perubatan

PPK: Pembantu Perawatan Kesihatan

6. SENARAI ANGGOTA DAN PERJAWATAN

BIL	NAMA ANGGOTA	PERJAWATAN
1.	Puan Najlaa binti Zulhemay	Pegawai Sains KimiaHayat C41
2.	En. Periasamy Gnana Sambanthar	Juru Teknologi Makmal Perubatan U32
3.	En Mohd Nuramil bin Abd Razak	Juru Teknologi Makmal Perubatan U29
4.	En Anugerah Shukrie bin Azmi	Juru Teknologi Makmal Perubatan U29
5.	En Mohd Faizulizam bin Razaleigh	Juru Teknologi Makmal Perubatan U29
6.	Puan Jayaseline a/p Kaliappan	Juru Teknologi Makmal Perubatan U29
7.	Puan Amizatul Rafiza bt Abd Rahman	Juru Teknologi Makmal Perubatan U29
8.	Cik Ili Shairah bt Busu Khirman	Juru Teknologi Makmal Perubatan U29
9.	En Syed Shamsudin bin Sayed Noh	Pembantu Perawatan Kesihatan U12
10.	En Badrul Hisham bin Sulong	Pembantu Operasi N11

7. FUNGSI UTAMA UNIT/ SKOP PERKHIDMATAN

- Memberikan Perkhidmatan Tahap Premier kepada pesakit dalam, pesakit luar, Klinik Kesihatan (Sungai Siput dan Lintang), Klinik Methadone dan Unit Haemodialisis.
- Menerima, memproses dan menghantar spesimen ke makmal rujukan iaitu ke Jabatan Patologi, HRPB, Ipoh, Makmal Kesihatan Awam Jelapang, Jabatan Kesihatan Kimia Ipoh, Pusat Darah Negara, Hospital Kuala Lumpur dan Institut Penyelidikan Perubatan Kuala Lumpur.
- Menerima, memproses spesimen-spesimen yang dihantar daripada klinik-klinik kesihatan yang berdekatan seperti Klinik Kesihatan Sungai Siput, Klinik Kesihatan Lintang dan Jabatan Transit Orang Asli (JHEOA)
- Tempat Latihan Industri untuk pelajar-pelajar diploma dan ijazah daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta
- Mengeluarkan keputusan ujian makmal *routine* pada hari yang sama dan ujian STAT dalam masa 1 jam.
- Menganjurkan CME berkaitan perkhidmatan patologi seperti peningkatan perkhidmatan Transfusi Darah
- Menawarkan perkhidmatan bagi penderma darah yang ingin menderma darah di Hospital Sungai Siput
- Menjalankan kempen derma darah bergerak di sekitar daerah Sungai Siput.

8. AKTIVITI TAHUN 2017

Unit Patologi terlibat dalam Program Kepastian Kualiti iaitu:


- a) Program kawalan mutu harian dalaman untuk setiap bahagian iaitu seksyen Biokimia, Hematologi, Klinikal dan Tabung Darah.
- b) External Quality Assessment Programme (EQAS) Chemistry
- c) RCPA Quality Assessment Programme (RCPAQAP) Coagulation
- d) RCPA Quality Assessment Programme (RCPAQAP) Haematology
- e) National External Quality Assurance for Blood Banking (NEQABB)
- f) External Quality Assurance for Asid Fast Bacili (AFB) dari Makmal Kesihatan Awam (MKA)
- g) Kajian Kepuasan Pelanggan dalaman Unit Patologi dan Transfusi Darah
- h) Laboratory Quality Assurance – National Indicator Approach (NIA-QAP)
- i) Key Performance Indicator & Hospital Performance Indicators of Accountability (KPI & HPIA).

PROGRAM DERMA DARAH BERGERAK SEPANJANG TAHUN 2017


BIL	TARIKH	MASA	TEMPAT	ANJURAN	BILANGAN PENDERMA
1.	15.1.2017	8 pagi – 1 tengahari	Dewan Kuil Sri Subramaniam, Sungai Siput (U)	Malaysia Hindu Sanggam Sungai Siput Council	L: 19 org P: 2 org
2.	5.3.2017	8 pagi – 1 tengahari	Dewan Mak Tak Sg Siput (U)	Pengerusi Persatuan Wanita Cina Sg Siput (U)	L: 12 org P: 12 org
3.	12.3.2017	9 pagi – 1 tengahari	Kg Lawai, Jalong Tinggi Sg Siput	Pertubuhan Pembangunan Insan Sikh Perak	L: 16 org P: 2 org
4.	26.3.2017	8 pagi – 5 petang	Mydin Meru Raya Ipoh	RY (M) Sdn Bhd	L: 20 org P: 17 org
5.	30.4.2017	10 pagi – 2 petang	Dewan Gereja Tamil Methodist Ipoh	Kelab Kebajikan dan Masyarakat Gereja Tamil Methodist, Ipoh	L: 12 org P: 5 org
6.	4.5.2017	8 pagi – 4 petang	Bilik Latihan APMC	Associated Pan Malaysia Cement Sdn. Bhd.	L: 20 org P: 3 org

7.	21.5.2017	8 pagi – 1 petang	Dewan Perkahwinan, Kuil Sri Maha Mariaman, Jalan Sg Pari, Ipoh	Persatuan Khidmat Masyarakat India Ipoh/ Pertubuhan Sri Sathya Sai Baba Centres of Perak.	L: 20 org P: 3 org
8.	11.6.2017	9 pagi – 1 petang	Sathya Sai Baba Centre Sungai Siput (U)	Sathya Sai Baba Centre	L: 6 org P: 5 org
9.	26.8.2017	9 pagi – 5 petang	Ladang Sg Krudda, Sg Siput	Persatuan Belia Sungai Krudda Sg Siput Perak.	L: 6 org P: 3 org
10.	14.10.2017	8 pagi – 1 petang	Dewan Harmoni, SMK Jelapang Jaya Ipoh, Perak	SMK Jelapang Jaya, Perak.	L: 4 org P: 2 org
11.	21.10.2017	9 pagi – 4 petang	Ruang Terbuka MYDIN Meru Ipoh, Perak	LPPKN Perak dan AVON	L: 8 org P: 13 org
12.	15.11.2017	8 pagi – 1 petang	Arena Sg Siput	Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia Daerah Sg Siput	L: 11 org P: 5 org
13.	19.11.2017	9 pagi – 4 petang	AEON Big Falim, Ipoh	Ipoh Riverview Lions Club	L: 29 org P: 9 org


9. BEBAN KERJA



Graf 9.1 Taburan Beban Kerja di Unit Patologi dari tahun 2013 hingga tahun 2017.



Graf 9.2. Taburan Beban Kerja di Unit Patologi sepanjang tahun 2017




Graf 9.3. Taburan Beban Kerja di Unit Transfusi Darah sepanjang tahun 2017

10. STATISTIK

10.1 GRAF KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN 2017



Graf 10.1 Kajian Kepuasan Pelanggan Unit Patologi Hospital Sungai Siput 2017



Graf 10.2 Menunjukkan Taburan Bilangan Penderma Darah dan Penerima Darah 2013 hingga tahun 2017

11. PENCAPAIAN TAHUN 2017

1. Menerima dua buah mesin secara reagen rental berpusat bagi Hospital Negeri Perak.

a. Mesin Full Blood Count Sysmex XN-1000 No Kontrak: KKM-133/2017/F/JKN.PK(BU) Tarikh: 9 Jun 2017 – 8 Jun 2020
b. Mesin Chemistry Analyzer Roche Cobas C311 No Kontrak: KKM-122/2017/F/JKN.PK(BU) Tarikh: 31 Mei 2017- 30 Mei 2020

2. Mendapat keputusan kumulatif 98.15% bagi National External Quality Assesment in Blood Banking (NEQABB) bagi tahun 2017 yang dikelolakan oleh Pusat Darah Negara.
3. Keputusan 100% dalam External Quality Assurance for Asid Fast Bacili (AFB) dari Makmal Kesihatan Awam (MKA) tahun 2017.
4. Terlibat dalam Projek Penyelidikan ‘Genetik Populasi dan Genomik *Plasmodium knowlesi* di Asia Tenggara yang dikelolakan oleh Universiti Malaysia Sarawak.
 - a. Sumber sampel bagi sampel malaria *Plasmodium knowlesi*.

12. KESIMPULAN

Sepanjang tahun 2017, semua aktiviti Unit Patologi berjalan seperti kebiasaan. Dari segi beban kerja, terdapat penurunan dalam bilangan spesimen yang di analisis, kerana format baru untuk pengiraan beban kerja telah diperkenalkan dan diselaraskan di seluruh makmal KKM. Namun, bilangan pesakit tetap meningkat saban tahun dan perbelanjaan reagen dan barang guna pakai kian meningkat. Mutu kerja dan prestasi kakitangan makmal juga perlu dipertingkatkan dan berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk pelanggan setiap hari.

Tambahan dengan pertambahan beberapa alatan dan mesin baru, prestasi kerja kakitangan Unit Patologi haruslah terus cemerlang dalam memberikan keputusan diagnosis yang tepat, jitu dan mengikut “Turn Around Time” yang telah ditetapkan. Masalah yang timbul daripada alatan yang sering rosak tidak lagi berlaku dan telah dapat diatasi. Kawalan kualiti juga dijalankan setiap hari bagi menentukurkan ketepatan keputusan makmal yang dikeluarkan kepada pegawai perubatan.

Pencapaian Transfusi Darah juga menunjukkan terdapat penurunan terhadap jumlah penderma darah berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak 40% pada tahun 2017. Pengurangan ini berturutan juga dengan pengurangan bilangan kempen derma darah bergerak yang dianjurkan di kawasan Sungai Siput dan sekitarnya. Namun demikian, bilangan penerima darah tetap meningkat saban tahun. Pentingnya kesedaran diterapkan kepada orang awam tentang kebaikan menderma darah kepada yang memerlukan.

Oleh yang demikian, pelbagai usaha perlu dipergiatkan dalam memberi kesedaran dan pendedahan orang awam terhadap kebaikan dan faedah menderma darah serta kepentingan bekalan darah yang mencukupi demi menyelamatkan nyawa pesakit.

Disediakan oleh :

*Najlaa Binti Zulhemay
Pegawai Sains C41,
Unit Patologi Dan Transfusi Darah,
Hospital Sungai Siput Perak.*